



SABAH, MALAYSIA

# Warta Kerajaan

## KELUARAN KHAS

*Diterbitkan dengan kuasa*

---

Jil. LX]

KOTA KINABALU, SELASA, 9 OGOS 2005

[No. 30]

---

**Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.**

**DATUK K. Y. MUSTAFA,**  
*Setiausaha Kerajaan Negeri.*

---

No. 433

[No. DUNS: (PGN) 14

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEDUA BELAS PENGGAL KEDUA

### **PERISYTIHARAN**


BAHAWASANYA Fasal (1) Artikel 21 Perlembagaan Negeri Sabah memperuntukkan bahawa Yang di-Pertua Negeri Sabah boleh dari semasa ke semasa memanggil Dewan Undangan Negeri bersidang.

DAN BAHAWASANYA Dewan Undangan Negeri Sabah melalui Perisytiharan yang bertarikh pada 1 Julai 2005 telah dipanggil untuk mengadakan sidangnya pada 15, 16 dan 17 Ogos 2005 dan bahawasanya keadaan kini menghendaki supaya sidang tersebut hanya diadakan pada 15 Ogos 2005 sahaja.

Oleh hal yang demikian, maka saya, TUN DATUK SERI PANGLIMA HAJI AHMADSHAH BIN ABDULLAH, Seri Maharaja Mangku Negara, Seri Panglima Darjah Kinabalu, Datuk Patinggi Bintang Kenyalang, Panglima Gemilang Darjah Kinabalu, Ahli Setia Darjah Kinabalu, Kesatria Mangku Negara, Jaksa Pendamai, Yang di-Pertua Negeri Sabah mengisyiharkan bahawa Sidang Dewan Undangan Negeri Sabah yang telah ditetapkan pada 15, 16 dan 17 Ogos 2005 adalah dengan ini hanya diadakan pada 15 Ogos 2005 sahaja.

Perisytiharan bertarikh 1 Julai 2005 adalah dengan ini dipinda.

DIKELUARKAN dengan tandatangan saya dan Mohor Kerajaan Negeri Sabah pada hari ini 9 haribulan Ogos 2005.



TUN DATUK SERI PANGLIMA HAJI AHMADSHAH BIN ABDULLAH,  
*Yang di-Pertua Negeri Sabah.*

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah,

DATUK MUSA HAJI AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.*